

**BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR, UiTM KEDAH**

BORANG PENDAFTARAN PERSATUAN

100-UiTMKDH (HEP 35/1)

Tarikh :  
Rujukan :Timbalan Rektor  
Hal Ehwal Pelajar  
UiTM Kedah**PERMOHONAN MENDAFTARKAN PENUBUHAN PERSATUAN/ KELAB DALAMAN UiTM**

Sebagaimana yang diperuntukan dalam seksyen B Bahagian III Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 maka kami dengan ini membuat permohonan untuk mendaftarkan persatuan kami yang mana butir-butirnya adalah seperti di bawah untuk kelulusan tuan.

<b>Nama Persatuan</b>	
<b>Alamat Pejabat</b>	
<b>No. Telefon</b>	<b>Email</b>
<b>Bilangan Ahli</b>	<b>Tarikh Ditubuhkan</b>

Dilampirkan bersama 3 salinan minit-minit mesyuarat penubuhan, perlembagaan persatuan, kedudukan kewangan dan butir-butir Ahli Jawatankuasa Penaja Persatuan.

Kami mengaku bahawa pada sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami, makluman yang diberikan di dalam permohonan adalah benar. Kami bersetuju untuk mematuhi segala perlembagaan persatuan seperti dilampirkan.

**Tandatangan Jawatankuasa**

(Yang Dipertua/ Pengerusi)		(Setiausaha)	
Nama		Nama	
Kursus		Kursus	
Pelajar		Pelajar	



**Tandatangan Penasihat**

<b>(Penasihat I)</b>		<b>(Penasihat II)</b>	
Nama		Nama	
Jawatan		Jawatan	
Bahagian		Bahagian	
<b>(Penasihat III)</b>		<b>(Penasihat IV)</b>	
Nama		Nama	
Jawatan		Jawatan	
Bahagian		Bahagian	

**Untuk Kegunaan Unit Aktiviti Pelajar**

Permohonan ini diterima pada _____	
	Pen. Pendaftar HEP

Perhatian : Sila sertakan permohonan dengan salinan perlembagaan (bercetak) dan perlembagaan yang telah dilengkapi (disket)



**SENARAI JAWATANKUASA  
PERSATUAN**

.....

PRESIDEN : .....

TIMBALAN PRESIDEN : .....

SETIAUSAHA : .....

BENDAHARI : .....

AHLI JAWATANKUASA :

AJK ..... : .....

AJK ..... : .....

AJK ..... : .....

AJK ..... : .....

AJK ..... : .....

AJK ..... : .....

AJK ..... : .....

AJK ..... : .....

AJK ..... : .....

BILANGAN AHLI PERSATUAN : .....

- SILA LAMPIRKAN SENARAI NAMA AHLI PERSATUAN



## **Panduan Mengisi Perlembagaan Persatuan**

1. Sila masukkan nama Persatuan di muka hadapan (kulit) Perlembagaan Persatuan.
2. Di setiap kepala muka surat (header), sila masukkan nama persatuan pada ruangan yang disediakan.
3. Penuhkan nama persatuan pada setiap ruang yang disediakan pada helaian yang berkenaan.
4. Pada Jadual Pertama, Perlembagaan Persatuan muka surat 25 (bermula no.6) sila penuhkan tujuan penubuhan persatuan.
5. Sila masukkan dalam Jadual Ketiga
  - a. Cogankata Persatuan
  - b. Lambang dan Bendera Persatuan
  - c. Pengertian Lambang dan Bendera Persatuan

## **Panduan Menyerahkan Perlembagaan Persatuan**

1. Sila serahkan Perlembagaan Persatuan dalam bentuk bercetak dan disket kepada HEP.
2. Setelah diluluskan, setiap persatuan berdaftar akan diberikan Sijil Pendaftaran Persatuan.
3. Sijil Pendaftaran Persatuan perlu diperbaharui pada setiap tahun.





## Perlembagaan Persatuan

Terdapat 2 set perlembagaan persatuan pelajar iaitu Perlembagaan Persatuan Pelajar Shah Alam dan Kampus Cawangan.

### 1. Perbezaan

Kuasa-kuasa Timbalan Naib Canselor atau wakil di Shah Alam ditukarkan kepada Rektor Kampus di Cawangan.

Kuasa-kuasa membubarkan persatuan masih terletak di bawah Menteri atau Ketua Eksekutif (Naib Canselor)

### 2. Perkara Penting

#### Penubuhan Persatuan

Perlembagaan Persatuan, Bahagian II Perkara 3 (muka 4)

- (2) Persatuan yang ditubuhkan tidak dibenarkan menggunakan apa-apa nama;
  - a. negeri, wilayah, daerah, mukim, kampung atau apa-apa nama lain yang membawa maksud kenegerian atau kedaerahan;
  - b. agama atau kepercayaan atau apa-apa nama lain yang membawa maksud keagamaan atau kepercayaan; dan
  - c. mana-mana kumpulan etnik atau suku kaum.

pada nama Persatuan.

- (3) Persatuan adalah dibenarkan bersekutu dengan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang luar Universiti tetapi persekutuan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Menteri atau wakilnya. (perkara ini dimasukkan bagi menjelaskan lagi bahagian II Perkara 5 (Kuasa Persatuan). Muka 1 – muka 6 yang menerangkan berkenaan Seksyen 10 (Akta 174) berhubung kerjasama atau bersekutu dengan badan, persatuan atau kumpulan luar.

**Fungsi Persatuan** (sila rujuk Perlembagaan Persatuan, Jadual Pertama di muka 25)

Perlembagaan Persatuan, Bahagian II Perkara 4 (muka 5)

Bagi memastikan fungsi persatuan tidak lari dari halatuju UiTM, fungsi persatuan adalah kesinambungan dari fungsi seperti dikehendaki oleh HEP dan UiTM.

#### Daftar Persatuan

Perlembagaan Persatuan, Bahagian III Perkara 17 (1), (2), (3) dan (4). (muka 13)

Setiausaha persatuan hendaklah menyimpan dan menyelenggara daftar persatuan yang mengandungi gambar dan butir-butir setiap ahli persatuan seperti nama penuh, jawatan (jika ada), alamat tetap dan semasa pengajian, no. K.P UiTM dan persekutuan, Kod Kursus dan apa-apa butir yang dirasakan perlu.



## **Jawatankuasa Kerja**

### **Perlembagaan Kerja**

Perlembagaan Persatuan, Bahagian IV Perkara 18 (muka 14)

- (4) Tiada seorang pun anggota Jawatankuasa dibawah fasa (2) boleh memegang
- a. Lebih dari satu jawatan dalam Jawatankuasa Kerja; dan
  - b. Lebih dari dua jawatan dalam Jawatankuasa kerja mana-mana persatuan lain,
- Pada sesuatu masa.

### **3. Kuasa-Kuasa Timbalan Naib Canselor/ Rektor Kampus**

#### **Kuasa Persatuan**

Sila rujuk Perlembagaan Persatuan, Bahagian II Perkara 5 (1), (2) dan (3), (muka 5)

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar atau wakilnya boleh menurut budi bicara mutlakny, tanpa memberi apa-apa sebab baginya mengenakan apa-apa syarat ke atas kuasa-kuasa, mengubahsuai, menambah, menghad atau membatalkan kuasa-kuasa persatuan.

#### **Penasihat Persatuan**

Perlembagaan Persatuan, Bahagian II Perkara 7 (muka 7)

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar atau wakilnya boleh, menurut budi bicara mutlakny, tanpa memberi apa-apa sebab baginya menolak cadangan Jawatankuasa Kerja atau Jawatankuasa Penaja Persatuan, mengikut mana-mana yang berkenaan dan melantik seorang atau beberapa kakitangan Universiti lain untuk menjadi Penasihat Persatuan.

Perlantikan Penasihat Persatuan boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar atau wakilnya tanpa memberikan apa-apa sebab mengenyainya.

#### **Syarat Keahlian**

Perlembagaan Persatuan, Bahagian III Perkara 10 (muka 10)

Sila rujuk Perlembagaan Persatuan, Bahagian III Perkara 10 (1) dan (2) (muka 10)

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar atau wakilnya boleh, menurut budi bicara mutlakny, tanpa memberi apa-apa sebab baginya mengubahsuai, menambah, menghad atau membatalkan syarat-syarat keahlian Persatuan.

#### **Pembatalan Keahlian**

Perlembagaan Persatuan, Bahagian III Perkara 15 (muka 12)

Penasihat Persatuan, setelah menerima aduan dari Jawatankuasa Kerja untuk membatalkan keahlian seorang ahli, atau Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar atau wakilnya hendaklah membatalkan keahlian seseorang ahli Persatuan.



## Pembatalan Pelantikan Jawatankuasa Kerja

Perlembagaan Persatuan, Bahagian III Perkara 22 (muka 16)

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar atau wakilnya hendaklah membatalkan pelantikan seseorang anggota Jawatankuasa Kerja yang dilantik di bawah Fasal 18 (2) –

- a. jika kelakuannya, sama ada berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Jawatankuasa Kerja atau selainnya, adalah sedemikian rupa hingga memburukkan nama Jawatankuasa Kerja, Persatuan atau Universiti;
- b. jika ada terhadapnya prosiding tatatertib belum diputuskan atau telah didapati bersalah atau sesuatu kesalahan tatatertib;
- c. jika dia belum lagi menduduki peperiksaan pertamanya berkenaan dengan kursus pengajian; atau
- d. dia telah gagal dalam, atau tidak menduduki peperiksaan yang lalu yang diadakan berkenaan dengan kursus pengajiannya.

